

Pembangunan ekonomi mantap, kukuh mampu hapus kadar kemiskinan

BH 19/12/18

Malaysia antara negara yang mempunyai masalah pengangguran tinggi, terutama dalam kalangan belia. Berdasarkan rekod Bank Negara Malaysia (BNM), kadar pengangguran meningkat daripada 11.7 peratus ketika sebelum krisis 2007 kepada 13.1 peratus pada 2009.

Pada 2013, kadar pengangguran dicatatkan 13.2 peratus dan ia dijangka terus meningkat pada tahun seterusnya. Justeru, pelbagai usaha dilakukan kerajaan bagi mengurangkan kadar pengangguran, termasuk merancang penubuhan jawatankuasa khas oleh Kementerian Belia dan Sukan dan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

Dalam Belanjawan 2019, kerajaan mengambil langkah mening-

katkan latihan kemahiran belia lepasan sekolah dan kebolehpasaran graduan menerusi dua program *Apprenticeship* dan *Graduate Enhancement Programme For Employability* (GENERATE) yang dibiayai melalui Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF).

Kebolehpasaran

Program ini bukan sahaja meningkatkan tahap keupayaan dan kebolehan diri, tetapi mempersiapkan mereka dengan ilmu, kemahiran dan pengalaman bekerja, sekali gus meningkatkan peluang kebolehpasaran individu terbabit.

Golongan veteran 60 tahun ke atas yang masih aktif dan produktif juga tidak dilupakan apabila turut diberi peluang dan galakan bekerja apabila kerajaan menca-

dangkan supaya caruman mandatori Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dikurangkan daripada enam peratus kepada empat peratus, mulai tahun depan.

Majikan juga akan diberikan potongan cukai tambahan atas perbelanjaan penggajian golongan B40 dengan had jumlah saraan RM4,000 sebulan.

Demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat menampung kos sara hidup, kerajaan turut mencajkan kenaikan gaji minimum RM1,100 di seluruh Malaysia, mulai Januari ini.

Sebelum ini, kadar gaji minimum seragam bagi seluruh negara ditetapkan RM1,050 sebulan atau RM5.05 sejam yang akan dikuatkuasakan bermula tarikh sama.

Namun, dalam Belanjawan 2019



Dalam Belanjawan 2019, kerajaan mengambil langkah meningkatkan latihan kemahiran belia lepasan sekolah dan kebolehpasaran graduan menerusi dua program *Apprenticeship* dan *Graduate Enhancement Programme For Employability* (GENERATE)"

kerajaan bersetuju dengan kenaikan RM50 menjadikan kadar gaji minimum daripada RM1,050 kepada RM1,100 selaras dengan situasi ekonomi semasa negara.

Dari sudut pandangan Islam, pembangunan ekonomi negara amat digalakkan kerana juga adalah sebahagian daripada tuntutan ibadat.

Pembangunan ekonomi yang mantap dan kukuh dapat menghapuskan kadar kemiskinan, selain mewujudkan peluang pekerjaan yang optimum serta menegakkan keadilan sosial dan ekonomi masyarakat.

**Syarifah Nur Hidayah
Syed Mohd Kamal Al Habshi**
Universiti Sains Islam Malaysia